

07 APR 1997

SEBANYAK 130 FIRMA SERTAI EKSPLO BSKL

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Lebih 130 firma akan menyertai eksplo yang dianjurkan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sebagai sebahagian daripada sambutan sempena perpindahan bursa itu ke bangunan baru 16 tingkat.

Dalam satu kenyataan hari ini, BSKL menyatakan eksplo itu yang diadakan bermula dari 14 hingga 17 Ogos depan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dengan tema "Berdepan dengan Cabaran Alaf Baru", akan mempamerkan aktiviti dan persembahan firma-firma yang disenaraikan dalam bursa bagi membolehkan pengunjung memperolehi pemahaman yang lebih jelas terhadap organisasi-organisasi berkenaan.

Eksplo itu juga diadakan seiring dengan majlis perasmian bangunan baru bursa berkenaan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dijadualkan pada 15 Ogos depan.

Menurut BSKL, firma yang akan menyertai eksplo itu mewakili kebanyakan daripada sektor di bursa berkenaan di samping institusi kewangan dan perantara, badan kawal selia dan organisasi yang berkaitan.

Berdasarkan kepada tema bagi eksplo itu, firma-firma terbabit dijangka akan mengutarakan aspirasi dan matlamat masa depan mereka serta membimbing masyarakat arah tuju pasaran modal di masa hadapan.

Satu daripada paparan unik eksplo itu adalah program "Sesi Syarikat" apabila firma-firma terbabit dipelawa untuk menunjukkan aktiviti dan pembangunan masa depan bagi pengurus dana, penganalisis dan broker saham.

Di samping itu, pada masa yang sama BSKL juga menjadi tuan rumah kepada Perhimpunan Agung ke-16 Persekutuan Bursa Saham Oceania dan Asia Timur (EAOSEF).

Matlamat EAOSEF, yang sering mengadakan perhimpunan tahunan, adalah untuk memudahkan pertukaran maklumat serta menggalakkan sikap saling bantu membantu di kalangan 13 anggota dengan pandangan untuk memajukan pasaran keselamatan. -- BERNAMA

DAB ZK/sia